

# Pelan OCBC SmartSavers Terma dan Syarat

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

## 1 Pelan OCBC SmartSavers

- 1.1 Pelan OCBC SmartSavers ("Pelan") menawarkan Akaun OCBC SmartSavers ("Akaun Simpanan") – akaun dengan kadar faedah tinggi yang menggalakkan simpanan yang berdisiplin untuk mencapai matlamat pengumpulan kekayaan mereka; tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.
- 1.2 Pelan ini boleh didapati di semua cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("OCBC Bank") di Malaysia.
- 1.3 Kadar faedah Pelan ini dikemaskini dari semasa ke semasa bagi paparan di laman web OCBC Malaysia.

## 2 Kelayakan

- 2.1 Pelan OCBC SmartSavers ditawarkan kepada individu pemastautin Malaysia, pemastautin tetap, bukan pemastautin (tertakluk kepada negara asal), kakitangan dan ejen OCBC Bank dan syarikat-syarikat berkaitan dengan OCBC dan ahli keluarga terdekat; tertakluk kepada syarat kelayakan dinyatakan di bawah.
- 2.2 Pelanggan korporat (akaun syarikat) tidak layak untuk Pelan OCBC SmartSavers.
- 2.3 Pelanggan yang akaunnya dengan OCBC Bank telah digantung atau ditamatkan atau yang telah melanggar mana-mana perjanjian lain dengan OCBC Bank tidaklah layak.

## 3 Mekanik dan Syarat Pelan

- 3.1 Terdapat dua (2) Akaun OCBC SmartSavers yang ditawarkan di bawah Pelan ini, iaitu:
  - Akaun OCBC SmartSavers Junior ("SSJA"); dan
  - Akaun OCBC SmartSavers ("SSA").

- 3.2 **Akaun OCBC SmartSavers Junior OCBC ("SSJA")**
  - 3.2.1 Ciri-ciri SSJA

Kelayakan	Ibu bapa atau penjaga sah (sekurang-kurangnya 18 tahun) yang diamanahkan bagi kanak-kanak berkeelayakan (didefinisikan sebagai individu yang berumur di bawah 18 tahun).														
Pemegang Akaun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk membuka akaun ini, salah seorang pemegang akaun haruslah seorang kanak-kanak berkeelayakan berumur di bawah 18 tahun; dan</li> <li>• Pemegang akaun utama haruslah kanak-kanak berkeelayakan tersebut (bagi akaun bersama sahaja)</li> </ul>														
Akaun minimum bagi pembukaan Pelan	RM200														
Tempoh Akaun	Sehingga kanak-kanak tersebut berumur 18 tahun														
Kadar Faedah	<p>Kadar faedah akan ditentukan oleh dua faktor di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah deposit terkumpul oleh pelanggan ke dalam Akaun Simpanan bagi setiap bulan kalendar; dan</li> <li>• Sebarang pengeluaran daripada Akaun Simpanan yang dilakukan pada setiap bulan kalendar.</li> </ul> <p>Kadar faedah yang dikenakan adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Tier</th> <th rowspan="2">Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar</th> <th colspan="2">Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*</th> </tr> <tr> <th>Tiada pengeluaran pada bulan kalendar</th> <th>Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalendar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>RM0 – RM999.99</td> <td>0.85% setahun</td> <td>0.05% setahun</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>RM1,000 ke atas</td> <td>1.25% setahun</td> <td>0.05% setahun</td> </tr> </tbody> </table> <p>Kadar-kadar ini digunapakai sewaktu penerbitan. Kadar yang telah dikemaskini boleh didapati dari laman web OCBC Malaysia. Faedah akan dibayar oleh OCBC Bank pada kadar yang ditentukan oleh Bank. OCBC Bank berhak menukar kadar faedah dan berbuat demikian dengan mengumumkannya di Cawangan, laman web OCBC Bank atau media massa.</p>	Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar	Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*		Tiada pengeluaran pada bulan kalendar	Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalendar	1	RM0 – RM999.99	0.85% setahun	0.05% setahun	2	RM1,000 ke atas	1.25% setahun	0.05% setahun
Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar			Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*											
		Tiada pengeluaran pada bulan kalendar	Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalendar												
1	RM0 – RM999.99	0.85% setahun	0.05% setahun												
2	RM1,000 ke atas	1.25% setahun	0.05% setahun												

- 3.3 **Akaun OCBC SmartSavers (SSA)**

### 3.3.1 Ciri-ciri SSA

Kelayakan	Individu berumur 18 tahun ke atas.														
Akaun minimum bagi pembukaan Akaun	RM200														
Kadar Faedah	<p>Kadar faedah akan ditentukan oleh dua faktor di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah deposit terkumpul oleh pelanggan ke dalam Akaun Simpanan bagi setiap bulan kalendar; dan</li> <li>• Sebarang pengeluaran daripada Akaun Simpanan yang dilakukan pada setiap bulan kalendar.</li> </ul> <p>Kadar keuntungan yang dikenakan adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Tier</th> <th rowspan="2">Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar</th> <th colspan="2">Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*</th> </tr> <tr> <th>Tiada pengeluaran pada bulan kalendar</th> <th>Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalendar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>RM0 – RM999.99</td> <td>0.85% setahun</td> <td>0.05% setahun</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>RM1,000 ke atas</td> <td>1.25% setahun</td> <td>0.05% setahun</td> </tr> </tbody> </table>	Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar	Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*		Tiada pengeluaran pada bulan kalendar	Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalendar	1	RM0 – RM999.99	0.85% setahun	0.05% setahun	2	RM1,000 ke atas	1.25% setahun	0.05% setahun
Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar			Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*											
		Tiada pengeluaran pada bulan kalendar	Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalendar												
1	RM0 – RM999.99	0.85% setahun	0.05% setahun												
2	RM1,000 ke atas	1.25% setahun	0.05% setahun												

	Kadar-kadar ini digunapakai sewaktu penerbitan. Kadar yang telah dikemaskini boleh didapati dari laman web OCBC Malaysia. Faedah akan dibayar oleh OCBC Bank pada kadar yang ditentukan oleh Bank. OCBC Bank berhak menukar kadar faedah dan berbuat demikian dengan mengumumkannya di Cawangan, laman web OCBC Bank atau media massa.
--	--

### 3.4 Ciri-ciri penting lain untuk SSJA dan SSA

Baki minimum bagi pengekalan akaun	RM20
Amaun Simpanan Bulanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan boleh membuat arahan tetap (SI) dari akaun sedia ada bersama Bank atau membuat Arahan Debit Lansung (DDA) dari akaun bank lain atau membuat deposit tunai melalui Mesin Deposit Tunai atau membuat pindahan wang melalui GIRO dan lain-lain bagi jumlah simpanan tetap bulanan.</li> <li>Jika pelanggan ingin membuat arahan tetap (SI), pelanggan perlu menetapkan amaun simpanan tetap bulanan sebaik mumbuka akaun. Amaun simpanan bulanan minimum adalah RM10 dan hendaklah dalam gandaan RM10. Pelanggan boleh membuat pertukaran amaun simpanan bulanan melalui arahan tetap yang baru; walaubagaimanapun pertukaran tersebut hanya boleh dilakukan sekali setiap tahun.</li> <li>Sebarang caj yang dikenakan oleh DDA daripada institut bukan bank akan ditanggung oleh pelanggan.</li> <li>Deposit secara ad hoc adalah dibenarkan.</li> </ul>
Pengiraan Faedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar faedah sejajar akan diguna pakai pada baki keseluruhan dalam Akaun Simpanan dan faedah akan diakru secara harian.</li> <li>Faedah akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan secara bulanan.</li> </ul>
Pengiraan Faedah jika Berlaku Penutupan Akaun	Penutupan akaun akan dianggap sebagai pengeluaran. Sekiranya akaun ditutup, kadar faedah 0.05% setahun akan diguna pakai untuk mengira akruan faedah harian ke atas jumlah sehingga hari sebelum penutupan akaun untuk bulan kalendar.
Pengeluaran daripada Akaun	Pengeluaran daripada akaun didefinisikan mengikut dibawah tetapi tidak terhad kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>Penutupan akaun, Pengeluaran Tunai</li> <li>Pemindahan Dana Automatik, Kebenaran Debit Penuh, Giro, Pemindahan Wang, pemindahan antara bank Sweep daripada akaun.</li> </ul>
Perkhidmatan	Perbankan Internet, Kemudahan Sweep, Pindahan Dana secara Automatik, Interbank GIRO (IBG), Perbankan Mudah Alih, dan kad Debit (hanya untuk SSA)
Yuran Perkhidmatan Akaun	<ol style="list-style-type: none"> <li>Yuran penutupan akaun sebanyak RM20 jika akaun ditutup dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan akaun.</li> <li>Cetakan semula penyata akan dikenakan caj RM10.00 setiap penyata.</li> <li>Sila rujuk Personal Banking &gt; Fees &amp; Charges di laman web OCBC Malaysia untuk yuran dan caj-caj lain.</li> </ol>
Rekod	Berdasarkan penyata (bulanan)

## 4 Syarat-syarat am lain

- Semua terma dan syarat sedia ada yang digunapakai untuk produk dan perkhidmatan OCBC Bank yang dirujuk di dalam terma dan syarat ini, termasuk dan tidak terhad kepada terma dan syarat yang digunapakai untuk akaun deposit OCBC Bank, kad kredit OCBC Bank, kad debit OCBC Bank, Perbankan Online dan Perbankan Internet OCBC Bank, dsb. akan terus digunapakai. Sekiranya terdapat percanggahan, terma dan syarat ini akan digunakan hanya sejauh mana ia mentadbir hak dan obligasi Pelanggan yang Layak di bawah Pelan OCBC SmartSavers.
- OCBC Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa keingkaran kerana apa-apa perbuatan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, sekat-masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau apa jua keadaan di luar kawalan munasabah OCBC Bank, kecuali kerugian yang berpunca daripada kecauaian OCBC Bank.
- OCBC Bank boleh, secara munasabah, selepas memberi notis 21 hari kalendar, mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, menamatkan atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat. OCBC Bank, secara munasabah dan selepas memberi notice dahulu boleh mengubah Kadar Faedah Pelan ini. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan OCBC Bank atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
- Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam pengawalseliaan dan/atau polisi kewangan oleh Bank Negara, Persatuan Bank-Bank Malaysia, dan mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan, kadar faedah akan disemak semula sewajarnya and kadar yang disemak semula ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tertera dalam notis/pengumuman. Pemberitahuan perubahan ini akan dibuat melalui pengumuman yang dipaparkan di cawangan atau di laman web Bank atau mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
- Rekod dan keputusan OCBC Bank, tertakluk kepada ketiadaan kesalahan nyata berkenaan sebarang perkara berkaitan dengan Pelan OCBC SmartSavers adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua pihak termasuk anda.

## Persetujuan

Saya/Kami telah membaca dan memahami bahawa Terma-terma dan Syarat-syarat yang mengikat Pelan OCBC SmartSavers. Saya/Kami bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang mungkin dipinda oleh OCBC Bank dari semasa ke semasa